

**Pelanggan yang dihormati,**

Lembaran Maklumat Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang kemudahan perdagangan anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda juga harus membacanya.

**1 APAKAH ITU DOCUMENTARY COLLECTION-i (DC-i)**

**DC-i** ialah sejenis perkhidmatan yang diberikan oleh Bank Islam untuk membantu sama ada dalam mengutip bayaran untuk pengeksport atau membayar balik bayaran kepada pengimport. Ia merupakan kaedah penyelesaian perdagangan yang diterima secara meluas untuk memudahkan penjual/pengeksporth mendapatkan bayaran untuk jualan/eksport mereka. DC-i biasanya dirujuk sebagai pengendalian dokumen oleh Bank Islam mengikut arahan yang diterima, untuk:

- I. Mendapatkan bayaran dan/atau penerimaan; atau
- II. Menyerahkan dokumen terhadap pembayaran dan/atau terhadap penerimaan; atau
- III. Menyerahkan dokumen mengikut terma dan syarat lain.

Kategori DC-i adalah seperti berikut:

**Bil Masuk untuk Kutipan-i (IBC-i)**

IBC-i adalah berdasarkan kontrak Wakalah, yang menetapkan hubungan agensi di mana Bank Islam dilantik untuk bertindak sebagai ejen bagi pihak bank pengeksport. Dokumen disalurkan oleh pengeksport melalui jurubanknya kepada Bank Islam untuk penyerahan dokumen kepada anda. Sebagai pertukaran untuk dokumen tersebut, anda dijangka sama ada membayar pada masa hadapan atau bersetuju untuk membayar pada tarikh yang akan datang. Bank Islam bertindak sebagai ejen kutipan Bank Pengirim (bank pengeksport). Ia ditadbir di bawah Uniform Rules of Collection (URC 522) semasa yang merupakan set peraturan piawai antarabangsa untuk membantu jurubank, pembeli dan penjual dalam proses kutipan.

**Bil Keluar untuk Kutipan-i (OBC-i)**

OBC-i adalah berdasarkan kontrak Wakalah. Ia adalah hubungan agensi di mana Bank Islam bertindak sebagai ejen anda untuk menghantar dokumen pengangkutan bersama-sama dengan dokumen komersial/kewangan kepada bank pembeli/pengimport di seluruh dunia untuk pembayaran daripada pengimport/pembeli. Operasi OBC-i dengan LC ditadbir di bawah Uniform Customs and Practice for Documentary Credit (UCP 600) semasa.

Tiada kemudahan pembiayaan diperlukan untuk pengimport/pengeksporth untuk mengakses perkhidmatan DC-i walaupun kedua-dua pengimport/pengeksporth mestilah pelanggan sedia ada Bank Islam.

Perniagaan/syarikat anda boleh mempunyai cara perdagangan antarabangsa yang mudah dan lebih kos efektif, tertakluk kepada peraturan piawai antarabangsa. Di bawah DC-i, dokumen dan pembayaran diproses melalui sistem perbankan. Pengimport mempunyai jaminan bahawa barang telah dihantar/tiba sebelum pembayaran dibuat, manakala pengeksport mengekalkan kawalan ke atas dokumen komersial sehingga terma kutipan dipenuhi.

Kontrak Syariah yang berkenaan ialah Wakalah bil Ujrah (Agensi dengan Fi). Di bawah kontrak Wakalah, kedua-dua Bank Pengirim dan Bank Pengumpul bertindak sebagai ejen pengeksport. Barang/barang bernilai jual yang terlibat tidak boleh dilarang oleh prinsip Syariah. Bank Islam akan mengenakan bayaran kepada anda untuk perkhidmatan yang diberikan oleh Bank Islam.

**2 KETAHUI KEWAJIPAN ANDA**

**Anda perlu membayar fi dan caj berikut:**

- I. Fi dan Komisen.
- II. SWIFT / Caj Rentas (jika ada).
- III. Pos dan Kurier (jika ada).

**Nota:** Sila rujuk laman web kami di [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) untuk maklumat lanjut mengenai fi dan caj.

**Anda bertanggungjawab untuk:**



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Pastikan perdagangan tersebut adalah transaksi yang tulen dan melaksanakan kewajipan anda di bawah kontrak penjualan barang.



**Hubungi kami dengan segera** sekiranya anda menghadapi kesukaran untuk membuat penyelesaian bagi kemudahan ini.

**3 KETAHUI RISIKO ANDA**

**Apakah yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda:**

- I. Memandangkan tiada pembiayaan yang terlibat pada peringkat kutipan, Bank Islam hanya bertindak sebagai 'ejen' untuk perniagaan/syarikat anda. Tanggungjawab utama anda adalah terhadap pembekal/pembeli anda dan memastikan transaksi perdagangan diselesaikan dengan jayanya. Walau bagaimanapun, jika syarikat/perniagaan anda menghadapi masalah dalam memenuhi obligasi ini dengan pembeli/pembekal anda, sila hubungi kami lebih awal untuk membincangkan pilihan pembiayaan yang berpotensi.
- II. Bagi pengimport, jika pembayaran telah dibuat terhadap D/P (Dokumen Terhadap Pembayaran), pengimport menanggung risiko bahawa barang yang dihantar mungkin berkualiti rendah atau tidak memenuhi jangkaan. Bagi pengeksport, risikonya

ialah tiada jaminan pembayaran daripada pembeli jika pembayaran dibuat terhadap D/A (Dokumen Terhadap Penerimaan) dan pembeli telah pun mengambil barang tersebut.

## 4 SYARAT UTAMA LAIN

- Maklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda.
- Perlindungan takaful adalah pilihan, namun, anda atau pembekal/pembeli anda dinasihatkan untuk melanggan sebarang perlindungan Takaful yang sesuai.
- Tiada penjamin atau cagaran diperlukan untuk kemudahan ini.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu / pemilik tunggal / perusahaan kecil dan sederhana.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk kami, anda boleh:



Hubungi kami di  
**+603-26 900 900**



Layari kami di  
**<https://www.bankislam.com>**



E-mel kami melalui  
**[contactcentre@bankislam.com.my](mailto:contactcentre@bankislam.com.my)**

### Perakuan Pelanggan

*(Perakuan pelanggan ke atas PDS ini tidak akan menjejaskan hak merayu (redress) pelanggan jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk).*

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- Saya mengakui Bank Islam telah memberikan kepada saya salinan PDS.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

\_\_\_\_\_  
Nama:  
Tarikh: